

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

PLG 411 : Kaedah Mengajar Kimia II

Masa : [2 jam]

Jawab SEMUA soalan

Anda dinasihatkan tidak mengguna lebih daripada 40 minit untuk soalan 1.

Jawab soalan 1(a) hingga 1(h) secara ringkas.

1. [a] Apakah tumpuan bidang Sains Kimia?
- [b] Berikan EMPAT alasan sebab apa Sains Kimia perlu diajar dalam kurikulum sekolah.
- [c] Berikan EMPAT ciri pelajar dalam peringkat operasi konkrit.
- [d] Sebutkan langkah-langkah persediaan untuk mengajar sesuatu konsep kimia.
- [e] Namakan jenis-jenis konsep yang wujud dalam mata pelajaran kimia dengan contoh.
- [f] Apakah strategi pengajaran yang norma untuk mengembangkan sesuatu konsep kimia.
- [g] Sebutkan DUA penggunaan teknik pemetaan konsep bagi Guru Kimia dan DUA bagi pelajar kimia.
- [h] Sebutkan EMPAT teknik bagaimana nilai-nilai murni dapat ditanamkan dalam kalangan pelajar melalui pengajaran Sains Kimia.

(40 markah)

...2/-

2. Sediakan suatu peta konsep yang menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan konsep-konsep kimia.

(20 markah)

3. Pilih SEPULUH konsep utama daripada suatu tajuk dalam sukatan pelajaran KIMIA, KBSM dan sediakan suatu peta konsep yang menunjukkan perhubungan antara konsep-konsep yang dipilih.

(20 markah)

4. Apakah EMPAT unsur dalam model ARCS bagi Motivasi? Bagaimana anda akan menggunakan model ini dalam pengajaran Sains Kimia.

(20 markah)